

Media Title : Harian Metro
Headline : Warga emas bimbang kena tangkap kerugian RM230,000
Date : 13 December 2025
Section : Lokal
Page : 13



Batu Pahat: Bimbang ditangkap selepas didakwa terbahit aktiviti penipuan, seorang lelaki warga emas kerugian RM230,000 akibat terperdaya sindiket menyamar 'pegawai polis'.

Kejadian berlaku selepas mangsa berusia 67 tahun menerima panggilan daripada suspek lelaki yang memperkenalkan diri sebagai 'pegawai polis' pada 21 November lalu.

Ketua Polis Daerah Batu Pahat, Asisten Komisioner Shahrulanuar Mushaddat Abdullah Sani berkata, menerusi panggilan itu, 'pegawai polis' terbahit memberitahu mangsa antara yang tersenarai ditahan berkait kes penipuan *scammer*.

Beliau berkata, suspek diminta menyerahkan maklumat akaun bank milik mangsa serta diarahkan membuat pemindahan wang ke dalam akaun bank diberikan suspek.

"Arahan diberikan sus-

Warga emas bimbang kena tangkap kerugian RM230,000

"Bermula 3 Disember lalu mangsa memasukkan wang ke dalam satu akaun diberikan suspek secara berperingkat sehingga RM230,000"

Ketua Polis Daerah Batu Pahat, Asisten Komisioner Shahrulanuar Mushaddat Abdullah Sani

pek kononnya bagi tujuan siasatan oleh Jabatan Audit Negara (JAN)," katanya dalam satu kenyataan.

Shahrulanuar berkata,

bermula 3 Disember lalu mangsa memasukkan wang ke dalam satu akaun diberikan suspek secara berperingkat sehingga RM230,000.

Menurutnya, suspek meminta mangsa membuat pembayaran lagi namun warga emas itu tidak mengendahkan dan mula berasa tertipu.

"Susulan itu, mangsa membuat laporan di Ibu Pejabat Polis Daerah (IPD) Batu Pahat," katanya.

"Polis masih menjalankan siasatan dan kes disiasat mengikut Seksyen 420 Kanun Keseksaan.

"Justeru, orang ramai dinasihatkan agar membuat semakan sekiranya menerima panggilan daripada individu tidak dikenali bagi mengelak menjadi mangsa penipuan," katanya.